

5.3 HIKMAH-HIKMAH AL-QURAN DITURUNKAN BERANGSUR-ANGSUR

Allah SWT menurunkan al-Quran secara berangsur-angsur kepada Nabi SAW selama 23 tahun kerana ada hikmah-hikmah penting-penting. Berdasarkan ayat-ayat al-Quran dapat disimpulkan hikmah-hikmah penurunan al-Quran secara berangsur-angsur, sebagai berikut:

5.3.1 Untuk Memperkuat Hati Nabi SAW

Ini berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Furqan, ayat 32:

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْلَا نُزِّلَ عَلَيْهِ الْقُرْآنُ جُمْلَةً وَاحِدَةً كَذَلِكَ لِنُثَبِّتَ بِهِ فُؤَادَكَ وَرَتَّلْنَاهُ تَرْتِيلًا

Maksudnya:

Dan orang-orang yang kafir berkata: "Mengapa tidak diturunkan Al-Quran itu kepada Muhammad semuanya sekali (dengan sekaligus)?" Al-Quran diturunkan dengan cara (berangsur-angsur) itu kerana Kami hendak menetapkan hatimu (wahai Muhammad) dengannya, dan Kami nyatakan bacaannya kepadamu dengan teratur satu persatu.

Imam al-Baghawi mentafsir ayat كَذَلِكَ لِنُثَبِّتَ بِهِ فُؤَادَكَ dengan انزلناه متفرقاً ليقوى به قلبك (Kami menurunkan al-Quran secara berangsur-angsur untuk menguatkan hatimu). Allah SWT telah mengutus nabi Muhammad SAW kepada suatu umat yang mempunyai watak keras sepertimana kerasnya bumi mereka. Baginda diutus kepada mereka bukan lah suatu perkara yang remeh-temeh, malah ia suatu perkara yang sangat besar. Ini kerana tugas Nabi SAW adalah untuk meruntuhkan berhala-berhala yang mereka sembah dan mensucikan akidah mereka.

Dalam perjalanan dakwah baginda selalu ditentang dan dihalangi orang-orang kafir dengan pelbagai cara. Pada masa yang sama baginda sangat berkeinginan supaya mereka

semua mahu menerima al-Quran dan beriman kepada Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah al-Kahfi ayat 6:

فَلَعَلَّكَ بَاحِعٌ نَفْسِكَ عَلَىٰ آثَارِهِمْ إِن لَّمْ يُؤْمِنُوا بِهَذَا الْحَدِيثِ أَسَفًا

Maksudnya;

Maka jangan-jangan pula engkau (wahai Muhammad), membinasakan dirimu disebabkan menanggung dukacita terhadap kesan-kesan perbuatan buruk mereka, jika mereka enggan beriman kepada keterangan Al-Quran ini.

Imam al-Zarqani menyebutkan, sesungguhnya pembaharuan wahyu dan turunnya malaikat secara berulang kali kepada Rasulullah adalah suatu kegembiraan yang memenuhi hati Nabi SAW. Ini kerana baginda merasakan pertolongan Allah SWT pada setiap penurunan al-Quran. Dengan demikian Nabi SAW tidak pernah berhenti menyampaikan dakwah al-Quran. Ada beberapa bentuk cara Allah SWT untuk menguatkan hati Nabi SAW:

1. Bukan Nabi SAW sendiri yang menghadapi tantangan dakwah

Allah SWT memberi tahu bahawa perbuatan buruk yang dialami Nabi SAW juga telah dialami nabi-nabi sebelum Nabi Muhammad SAW. Firman Allah SWT dalam surah al-An'am ayat 34:

وَلَقَدْ كُذِّبَتْ رُسُلٌ مِنْ قَبْلِكَ فَصَبَرُوا عَلَىٰ مَا كُذِّبُوا وَأُوذُوا حَتَّىٰ أَنَّهُمْ نَصَرْنَا

Maksudnya:

Dan demi sesungguhnya, Rasul-rasul sebelummu pernah juga didustakan, maka mereka sabar terhadap perbuatan orang-orang yang mendustakan mereka dan menyakiti mereka, sehingga datanglah pertolongan Kami kepada mereka.

Firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 184:

فَإِنْ كُذِّبُوا فَقَدْ كُذِّبَ رُسُلٌ مِنْ قَبْلِكَ جَاءُوا بِالْبَيِّنَاتِ وَالزُّبُرِ وَالْكِتَابِ الْمُنِيرِ

Maksudnya:

Oleh itu, jika mereka mendustakanmu (wahai Muhammad, maka janganlah engkau berdukacita), kerana sesungguhnya Rasul-rasul yang terdahulu daripadamu telah didustakan juga; mereka telah membawa keterangan-keterangan (mukjizat) yang nyata dan Kitab-kitab (nasihat pengajaran), serta Kitab (Syariat) yang terang jelas.

Sebahagian daripada tabiat manusia, musibah terasa ringan apabila dirasakan secara bersama-sama dan akan terasa sangat menyakitkan jika dirasakan oleh seorang sahaja. Tabiat ini hanya berlaku di dunia, bukan di akhirat. Pemberitahuan Allah SWT kepada Nabi SAW tentang cabaran dakwah nabi-nabi terdahulu adalah salah satu sebab untuk menguatkan hati dan keazaman Nabi SAW.

2. Nabi SAW diperintah untuk bersabar

Apabila manusia ditimpa musibah dan sahabatnya datang menepuk bahunya sambil memberi nasihat untuk sabar, pasti dapat menguatkan hatinya dalam menghadapi musibah tersebut. Allah SWT perintah Nabi SAW untuk bersabar saat menghadapi cabaran dakwah, untuk menguatkan hati Nabi SAW. Kadang-kadang Allah SWT bagi tahu kepada Nabi SAW melalui wahyuNya bahawa apa yang Nabi SAW hadapi sudah terlebih dahulu dialami nabi-nabi sebelumnya, sepertimana firman Allah SWT dalam surah al-An'an ayat 34 yang telah disebut sebelum ini. Dalam banyak ayat dalam al-Quran Allah SWT perintah Nabi SAW untuk sabar, seperti dalam surah al-Ahqaf ayat 35:

فَاصْبِرْ كَمَا صَبَرَ أُولُو الْعَزْمِ مِنَ الرُّسُلِ وَلَا تَسْتَعْجِلْ لَهُمْ كَانَتْهُمْ يَوْمَ يَرَوْنَ مَا يُوعَدُونَ لَمْ يَلْبُثُوا إِلَّا سَاعَةً
مِنْ نَهَارٍ بَلَاغٌ فَهَلْ يُهْلَكُ إِلَّا الْقَوْمُ الْفَاسِقُونَ

Maksudnya:

(Jika demikian akibat orang-orang kafir yang menentangmu wahai Muhammad) maka bersabarlah engkau sebagaimana sabarnya Rasul-rasul "Ulil-Azmi" (yang mempunyai keazaman dan ketabahan hati) dari kalangan Rasul-rasul (yang terdahulu daripadamu); dan janganlah engkau meminta disegerakan azab untuk mereka (yang menentangmu itu). Sesungguhnya keadaan mereka semasa melihat azab yang dijanjikan kepada mereka, merasai seolah-olah mereka tidak tinggal (di dunia) melainkan sekadar satu saat sahaja

dari siang hari. (Penerangan yang demikian) cukuplah menjadi pelajaran (bagi orang-orang yang mahu insaf). Maka (ingatlah) tidak dibinasakan melainkan kaum yang fasik - derhaka.

3. Nabi SAW dilarang bersedih

Allah SWT menguatkan hati Nabi SAW dengan cara menurunkan ayat yang melarang baginda bersedih atas perbuatan buruk orang-orang kafir. Firman Allah SWT dalam surah al-Nahl ayat 127-128:

وَاصْبِرْ وَمَا صَبْرُكَ إِلَّا بِاللَّهِ وَلَا تَحْزَنْ عَلَيْهِمْ وَلَا تَكُ فِي ضَيْقٍ مِّمَّا يَمْكُرُونَ, إِنَّ اللَّهَ مَعَ الَّذِينَ اتَّقَوْا وَالَّذِينَ هُمْ مُحْسِنُونَ

Maksudnya;

Dan bersabarlah (wahai Muhammad terhadap perbuatan dan telatah golongan yang ingkar itu); dan tiadalah berhasil kesabaranmu melainkan dengan (memohon pertolongan) Allah; dan janganlah engkau berdukacita terhadap kedegilan mereka, dan janganlah engkau bersempit dada disebabkan tipu daya yang mereka lakukan. Sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang bertaqwa, dan orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.

Firman Allah SWT dalam surah al-Naml ayat 70:

وَلَا تَحْزَنْ عَلَيْهِمْ وَلَا تَكُنْ فِي ضَيْقٍ مِّمَّا يَمْكُرُونَ

Maksudnya:

Dan janganlah engkau berdukacita terhadap (keingkaran) mereka (yang kafir itu,) dan janganlah engkau resah-gelisah disebabkan tipu daya yang mereka lakukan.

Dan firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 41:

يَا أَيُّهَا الرَّسُولُ لَا يَحْزُنْكَ الَّذِينَ يُسَارِعُونَ فِي الْكُفْرِ

Maksudnya:

Wahai Rasul Allah! Janganlah engkau menanggung dukacita disebabkan orang-orang yang segera menceburkan diri dalam kekufuran.

Allah SWT melarang baginda bersedih kerana kesedihan akan memberi kesan buruk walaupun seseorang itu bersabar. Ya'qub a.s bersabar saat Yusuf dibuang saudara-saudara tirinya, begitu juga saat kehilangan Bunyamin dan anak sulungnya. Namun kesedihan Ya'qub telah menyebabkan baginda hilang pengelihatan. Firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 84:

وَتَوَلَّى عَنْهُمْ وَقَالَ يَا أَسْفَىٰ عَلَىٰ يُوسُفَ وَإِیْضًا عَيْنَاهُ مِنَ الْحُزْنِ فَهُوَ كَظِيمٌ

Maksudnya:

Dan (bapa mereka - Nabi Yaakub) pun berpaling dari mereka (kerana berita yang mengharukan itu) sambil berkata: Aduhai sedihnya aku kerana Yusuf, dan putihlah dua belah matanya disebabkan ratap tangis dukacitanya kerana ia orang yang memendamkan marahnya di dalam hati.

Dari penjelasan di atas dapat diketahui kenapa Allah SWT melarang Nabi SAW bersedih dan bersempit dada saat menghadapi orang-orang kafir. Ini kerana kesedihan dapat merosakkan perjalanan dakwah. Oleh itu lah Allah SWT melarang Nabi SAW bersedih.

4. Nabi SAW telah dijamin keselamatannya

Saat baginda SAW menghadapi pelbagai cabaran dakwah, Allah SWT menurunkan ayat untuk menjamin keselamatan baginda daripada orang-orang kafir. Firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 67:

يَا أَيُّهَا الرَّسُولُ بَلِّغْ مَا أُنزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ وَإِنْ لَمْ تَفْعَلْ فَمَا بَلَّغْتَ رِسَالَتَهُ وَاللَّهُ يَعْصِمُكَ مِنَ النَّاسِ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ

Maksudnya:

Wahai Rasul Allah! Sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu; dan jika engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya), maka bermakna tiadalah engkau menyampaikan perutusanNya; dan Allah jualah akan memeliharaku dari (kejahatan) manusia. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada kaum yang kafir.

5. Nabi SAW mendapat khabar gembira akan kemenangan

Allah SWT menguatkan hati Nabi SAW dengan cara menurunkan ayat yang menjelaskan kemenangan dan pertolongan Allah SWT. firman Allah SWT dalam surah al-Mujadilah ayat 21:

كَتَبَ اللَّهُ لِلَّهِ لَأَغْلِبَنَّ أَنَا وَرُسُلِي إِنَّ اللَّهَ قَوِيٌّ عَزِيزٌ

Maksudnya:

Allah telah menetapkan: "Sesungguhnya Aku dan Rasul-rasulKu tetap mengalahkan (golongan yang menentang) ". Sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha kuasa.

Dan firman Allah SWT dalam surah Ghafir ayat 51:

إِنَّا لَنَنْصُرُ رُسُلَنَا وَالَّذِينَ آمَنُوا فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَيَوْمَ يَقُومُ الْأَشْهَادُ

Maksudnya:

Sesungguhnya Kami tetap membela serta mempertahankan Rasul-rasul Kami dan orang-orang yang beriman - dalam kehidupan dunia ini dan pada saat bangkitnya saksi-saksi (pada hari kiamat).

5.3.1 Supaya Mudah Dihafaz dan Difahami

Sebagaimana sudah sedia maklum, kebanyakan daripada orang-orang Arab ketika al-Quran diturunkan tidak pandai membaca dan menulis begitu juga dengan Nabi SAW.

Baginda juga seorang Rasul yang tidak pandai membaca dan menulis, firman Allah SWT dalam surah al-Juma'ah ayat 2:

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِنْهُمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُبِينٍ

Maksudnya:

Dia lah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang Ummyyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad s.a.w) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya), dan membersihkan mereka (dari iktiqad yang sesat), serta mengajarkan mereka Kitab Allah (Al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syarak). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.

Firman Allah SWT dalam surah al-A'raf ayat 158:

قُلْ يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ يُحْيِي وَيُمِيتُ فَآمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ الَّذِي يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَكَلِمَاتِهِ وَاتَّبِعُوهُ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ

Maksudnya:

Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya aku adalah Pesuruh Allah kepada kamu semuanya, (di utus oleh Allah) yang menguasai langit dan bumi, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; Yang menghidupkan dan mematikan. Oleh itu, berimanlah kamu kepada Allah dan RasulNya, Nabi yang Ummy yang beriman kepada Allah dan Kalimah-kalimahNya (Kitab-kitabNya); dan ikutilah dia, supaya kamu beroleh hidayah petunjuk".

Tidak mudah bagi orang-orang yang tidak pandai membaca dan menulis untuk menerima al-Quran secara sekaligus. Al-Quran diturunkan secara berangsur-angsur untuk memudahkan mereka menghafaz dan memahaminya. Oleh ini, kebiasaan wahyu turun kepada Nabi SAW lima ayat-lima ayat. Ini sesuai dengan keadaan mereka pada ketika itu. Abu Syamah al-Maqdisi berkata: Nabi SAW seorang yang tidak pandai membaca dan menulis (ummi), maka al-Quran diturunkan secara bertahap-tahap supaya mudah untuk

menghafaznya. Seandainya diturunkan sekaligus pasti akan menyukarkan bagi Nabi SAW untuk menghafaznya. Taurat diturunkan sekaligus dengan lembaran-lembaran yang sudah bertulis (*al-alwah*), kerana Musa pandai menulis dan membaca, begitu juga nabi-nabi yang lain.

5.3.2 Supaya Relevan dengan Peristiwa-peristiwa yang Berlaku

Islam sebagai agama baharu yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW tidak mudah untuk mengubah masyarakat yang rosak akidah dan ibadah. Oleh itu, al-Quran mempunyai strategi untuk mengubah keadaan mereka. Setiap kali ada berlaku suatu peristiwa dalam masyarakat mereka, maka turun ayat untuk merespon peristiwa itu. Justeru, penurunan al-Quran secara berangsur-angsur mengikut kepada peristiwa dan keadaan semasa. Dalam hal ini mempunyai banyak bentuk:

1. Menjawab soalan

Soalan ini datang daripada orang-orang kafir dan musyrik untuk menguji kenabian dan risalah yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW. kadang-kadang soalan juga datang daripada kaum muslimin apabila mereka menghadapi kemusykilan untuk mengetahui antara yang benar dan salah. Soalan yang diajukan kepada Nabi SAW sangat pelbagai, ada tentang perkara yang sudah berlaku dahulu, sekarang dan yang akan datang.

Contoh soalan tentang peristiwa yang belaku zaman dahulu adalah suatu ketika orang-orang kafir Quraish Makkah pergi ke Madinah untuk meminta pendapat kepada orang Yahudi, soalan apa yang patut ditanyakan kepada Nabi SAW untuk menguji kenabian Nabi Muhammad SAW. Orang Yahudi berkata kepada orang-orang Quraish tersebut, tanya lah Muhammad tentang roh, tentang sekumpulan pemuda yang menghilang pada awal zaman (*Ashabul Kahfi*) dan tentang seorang lelaki yang sudah sampai ke bahagian barat dan timur bumi (*Zulqarnain*). Orang Yahudi itu berkata lagi, jika Muhammad menjawab semuanya maka dia bukan seorang Nabi, begitu juga kalau Muhammad tidak menjawab semua maka dia bukan lah seorang Nabi. Namun, jika

Muhammad menjawab sebahagian dan meninggalkan menjawab sebahagian maka dia adalah seorang Nabi.

Setelah kembali dari Madinah, orang-orang Quraish Makkah pun datang menanyakannya kepada Nabi Muhammad SAW, maka Allah SWT menurunkan surah al-Kahfi bermula daripada ayat 9 untuk menceritakan kisah Ashabul Kahfi:

أَمْ حَسِبْتَ أَنَّ أَصْحَابَ الْكَهْفِ وَالرَّقِيمِ كَانُوا مِنْ آيَاتِنَا عَجَبًا

Maksudnya:

Adakah engkau menyangka (wahai Muhammad), bahawa kisah "Ashaabul Kahfi" dan "Ar-Raqiim" itu sahaja yang menakutkan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan Kami?

Turun juga surah al-Kahfi bermula dari ayat 83 untuk menceritakan lelaki yang sudah sampai ke bahagian barat dan timur bumi (Zulqarnain):

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ ذِي الْقَرْنَيْنِ قُلْ سَأَتْلُو عَلَيْكُمْ مِنْهُ ذِكْرًا

Maksudnya:

Dan mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad), mengenai Zulkarnain. Katakanlah: "Aku akan bacakan kepada kamu (wahyu dari Allah yang menerangkan) sedikit tentang perihalnya".

Dan turun juga surah al-Isra' ayat 85 untuk menceritakan bahawa roh hanya diketahui Allah SWT, Nabi SAW sendiri tidak diberi tahu hakikat roh:

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ قُلِ الرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّي وَمَا أُوتِيتُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا

Maksudnya:

Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakan: "Roh itu dari perkara urusan Tuhanku; dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja".

Contoh soalannya untuk peristiwa semasa sangat banyak, misalnya mereka bertanya tentang anak bulan. Allah SWT menurunkan surah al-Baqarah 189:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْأَهْلِ قُلْ هِيَ مَوَاقِيتُ لِلنَّاسِ وَالْحَجِّ

Maksudnya:

Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) mengenai (peredaran) anak-anak bulan. Katakanlah: "(peredaran) anak-anak bulan itu menandakan waktu-waktu (urusan dan amalan) manusia, khususnya ibadat Haji.

Mereka bertanya kepada Nabi SAW tentang bulan-bulan haram, maka Allah SWT menurunkan surah al-Baqarah ayat 217:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الشَّهْرِ الْحَرَامِ قِتَالٍ فِيهِ قُلْ قِتَالٌ فِيهِ كَبِيرٌ

Maksudnya:

Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (hukum) berperang dalam bulan yang dihormati; katakanlah: "Peperangan dalam bulan itu adalah berdosa besar. Berkaitan tentang soalannya semasa sangat banyak contoh-contohnya disebutkan Allah SWT dalam al-Quran.

Manakala contoh soalannya yang akan berlaku adalah soalannya orang-orang kafir kepada Nabi SAW tentang hari kiamat. Misalnya mereka bertanya bila hari kiamat akan berlaku, maka Allah SWT menurunkan ayat seperti yang terdapat dalam surah al-A'raf ayat 187:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ السَّاعَةِ أَيَّانَ مُرْسَاهَا قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِنْدَ رَبِّي لَا يُجَلِّئُهَا لِوَفْتِهَا إِلَّا هُوَ

Maksudnya:

Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) tentang hari kiamat: "Bilakah masa datangnya?" Katakanlah: "Sesungguhnya pengetahuan mengenainya hanyalah ada di sisi Tuhanku, tidak ada sesiapa pun yang dapat menerangkan kedatangannya pada waktunya melainkan Dia.

Mereka juga pernah bertanya kepada Nabi SAW tentang gunung-ganang, maka Allah SWT menurunkan surah Thaha ayat 105:

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْجِبَالِ فَقُلْ يَنْسِفُهَا رَبِّي نَسْفًا

Maksudnya:

Dan mereka (yang kafir) bertanya kepadamu (wahai Muhammad) dari hal gunung-ganang; maka jawablah: "Tuhanku akan menghancurkannya menjadi debu ditiup angin.

Al-Quran diturunkan Allah SWT secara berangsur-angsur, salah satu hikmahnya untuk menjawab soalan-soalan yang diajukan kepada Nabi SAW.

2. Untuk merespon peristiwa dan menjelaskan hukumnya

Banyak berlaku peristiwa pada zaman Nabi SAW di tempat dan waktu yang berbeza-beza. Justeru, hikmah al-Quran diturunkan berangsur-angsur untuk menjawab peristiwa-peristiwa tersebut sesuai dengan tempat dan masanya. Antara peristiwa yang berlaku adalah kisah Khoulah binti Tha'labah yang telah dizihar suaminya Aus bin Somit, lalu dia datang mengadu kepada Nabi SAW dan berkata: ya Rasulullah, dia telah menghabiskan masa mudaku dan aku telah melahirkan banyak anak untuknya. Namun, apabila saya sudah tua dan tidak dapat melahirkan lagi, dia menzihar saya. Ya Allah kepadamulah aku mengadukan kepedihan hatiku. Tidak lama selepas itu Jibril datang membawa wahyu kepada Nabi SAW surah al-Mujadilah bermula ayat 1:

قَدْ سَمِعَ اللَّهُ قَوْلَ الَّتِي تُجَادِلُكَ فِي زَوْجِهَا وَتَشْتَكِي إِلَى اللَّهِ وَاللَّهُ يَسْمَعُ تَحَاوُرَكُمَا إِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ بَصِيرٌ

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah telah mendengar (dan memperkenan) aduan perempuan yang bersoal jawab denganmu (wahai Muhammad) mengenai suaminya, sambil ia berdoa merayu kepada Allah (mengenai perkara yang menyusahkannya), sedang Allah sedia mendengar perbincangan kamu berdua. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.

Selain kisah di atas, masih banyak peristiwa-peristiwa yang berlaku zaman Nabi SAW dan direspon Allah SWT dengan menurunkan ayat. Ini lah antara hikmah penurunan al-Quran secara berangsur-angsur.

3. Peringatan kepada kaum muslimin akan kesilapan mereka

Kadang-kadang berlaku kesalahan daripada seorang sahabat dan beberapa sahabat, kemudian Allah SWT menegur mereka dan menunjukkan jalan yang benar. Misalnya, Thabit bin Qais pernah meninggikan suara kepada Nabi SAW, kemudian Allah SWT menurunkan surah al-Hujrat ayat 2:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَرْفَعُوا أَصْوَاتَكُمْ فَوْقَ صَوْتِ النَّبِيِّ وَلَا تَجْهَرُوا لَهُ بِالْقَوْلِ كَجَهْرِ بَعْضِكُمْ لِبَعْضٍ أَن تَحْبَطَ أَعْمَالِكُمْ وَأَنتُمْ لَا تَشْعُرُونَ

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu memandai-mandai (melakukan sesuatu perkara) sebelum (mendapat hukum atau kebenaran) Allah dan RasulNya; dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

Apabila ayat di atas turun, Thabit bin Qais berkata: saya orang yang meninggikan suaraku di atas suara Nabi SAW, kalau begitu saya termasuk ahli neraka. Selepas itu diceritakan kepada Nabi SAW dan baginda mengatakan: dia termasuk ahli syurga. Selain kisah ini masih banyak peristiwa-peristiwa yang menyebabkan ayat al-Quran turun.

4. Untuk membuka rahsia orang-orang munafiq

Al-Quran diturunkan secara berangsur-angsur salah satu hikmahnya ialah untuk membuka rahsia orang-orang munafiq. Setiap kali mereka mengatakan sesuatu tentang Nabi SAW atau tentang kaum muslimin Allah SWT menurunkan ayat untuk membuka kemunafikan mereka dan supaya kaum muslimin berhati-hati dengan mereka. Misalnya,

Allah SWT menurunkan 13 ayat (ayat 8-20) pada awal surah al-Baqarah. Malah Allah SWT menurunkan satu surah untuk menjelaskan tentang mereka, yaitu surah al-Munafiqun.

5. Untuk menolak tuduhan dan perbuatan buruk Ahlu Kitab

Di Madinah kaum muslimin hidup bercampur dengan orang Yahudi. Mereka adalah ahli pembuat tipu daya terhadap Islam dan kaum muslimin. Mereka melakukan apa sahaja untuk membuat perpecahan kaum muslimin. Al-Quran diturunkan Allah SWT kepada Nabi SAW secara berangsur-angsur sesuai dengan syubuhah-syubuhah yang mereka lontarkan. Misalnya Allah SWT menurunkan surah Ali Imrah ayat 99:

قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لِمَ تَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ مَن آمَنَ تَبِعُونَهَا عِوَجًا وَأَنْتُمْ شُهَدَاءُ وَمَا اللَّهُ بِغَافِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ

Maksudnya:

Katakanlah: "Wahai Ahli Kitab! Mengapa kamu menghalangi orang-orang yang beriman daripada menurut jalan jalan (agama Islam), kamu hendak menjadikan jalan Allah itu bengkok terpesong, padahal kamu menyaksikan (kebenarannya)? "Dan (ingatlah), Allah tidak sekali-kali lalai akan apa yang kamu lakukan.

Kaum muslimin juga diperingatkan Allah SWT terhadap Ahlu Kitab. Firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 100:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن تَطِيعُوا فَرِيقًا مِّنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ يَرُدُّوكُم بَعْدَ إِيمَانِكُمْ كَافِرِينَ

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu taat akan sesuatu puak dari orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan Kitab itu, nescaya mereka akan mengembalikan kamu menjadi orang-orang kafir sesudah kamu beriman.

5.3.4 Supaya Berperingkat dalam Pensyariaan dan Mendidik Umat

Jika manusia merenungkan dirinya, pasti dia akan mendapati bahawa setiap segala sesuatu bermula daripada kecil atau yang paling rendah kepada yang lebih besar dan tinggi. Begitu juga halnya dalam hukum-hakam syariat. Aisyah r.a berkata:

إِنَّمَا نَزَلَ أَوَّلَ مَا نَزَلَ مِنْهُ سُورَةٌ مِنَ الْمُفَصَّلِ فِيهَا ذِكْرُ الْجَنَّةِ وَالنَّارِ حَتَّى إِذَا ثَابَ النَّاسُ إِلَى الْإِسْلَامِ نَزَلَ الْحَلَالُ وَالْحَرَامُ، وَلَوْ نَزَلَ أَوَّلَ شَيْءٍ لَا تَشْرَبُوا الْخَمْرَ. لَقَالُوا لَا نَدْعُ الْخَمْرَ أَبَدًا. وَلَوْ نَزَلَ. لَا تَزْنُوا. لَقَالُوا لَا نَدْعُ الزَّيْنَةَ أَبَدًا.

Maksudnya:

Surah-surah pertama diturunkan kepada Nabi SAW adalah surah *al-mufasssol* yang menceritakan tentang syurga dan neraka (aqidah). Apabila hati manusia kuat terhadap Islam, barulah turun ayat halal dan haram. Sekiranya ayat yang pertama turun “jangan kamu minum arak” pasti mereka berkata “kami tidak akan meninggalkan arak”, begitu juga zina, sekiranya ayat pertama turun “jangan kamu berzina” pasti mereka akan berkata “kami tidak akan meninggalkan zina”.

Syariat Islam pada peringkat awal hanya menanamkan tauhid dan menolak kesyirikan. Apabila mereka sudah terima, baru turun ayat untuk peringkat berikutnya ibadah yang merupakan tiang agama, iaitu solat. Begitu lah seterusnya, disyariatkan satu persatu sehingga mereka mudah untuk menerimanya. Malah untuk suatu larangan sahaja kadang-kadang tidak langsung diharamkan, tetapi melalui beberapa peringkat. Misalnya tentang pengharaman arak atau khamar:

Fasa 1 surah al-Nahl ayat 67:

وَمِنْ ثَمَرَاتِ النَّخِيلِ وَالْأَعْنَابِ تَتَّخِذُونَ مِنْهُ سَكَرًا وَرِزْقًا حَسَنًا إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ

Maksudnya:

Dan daripada buah kurma dan anggur, yang kamu jadikan minuman yang memabukkan dan rezeki yang baik. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda [kebesaran Allah] bagi orang yang memikirkannya.

Fasa 2 surah al-Baqarah ayat 219:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنَافِعُ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَا أَكْبَرُ مِن نَّفْعِهِمَا

Maksudnya:

Mereka bertanya kepadamu tentang khamar dan judi. Katakanlah: “Pada keduanya itu terdapat dosa besar dan beberapa manfa’at bagi manusia, tetapi dosa keduanya lebih besar dari manfa’atnya”.

Fasa 3 surah al-Nisa’ ayat 43:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَقْرُبُوا الصَّلَاةَ وَأَنتُمْ سُكَارَىٰ حَتَّىٰ تَعْلَمُوا مَا تَقُولُونَ

Maksudnya:

Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu shalat, sedang kamu dalam keadaan mabuk, sehingga kamu mengerti apa yang kamu ucapkan.

Fasa 4 surah al-Maidah ayat 90-91:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ, إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوقِعَ بَيْنَكُمُ الْعَدَاوَةَ وَالْبَغْضَاءَ فِي الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ وَيَصُدَّكُمْ عَن ذِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ فَهَلْ أَنتُمْ مُنْتَهُونَ

Maksudnya:

Hai orang-orang yang beriman, sesungguhnya [meminum] khamar, berjudi, [berkorban untuk] berhala, mengundi nasib dengan panah, adalah perbuatan keji termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu mendapat keberuntungan.

5.3.5 Sebagai Cabaran dan Mukjizat al-Quran yang Berterusan

Penurunan al-Quran secara berulang-ulang di tempat dan waktu yang berbeza bermakna al-Quran mencabar orang-orang kafir setiap saat untuk mendatang al-Quran yang seumpamanya. Ini menunjukkan bahawa mukjizat al-Quran berterusan. Sekiranya al-

Quran diturunkan sekaligus maka, cabaran dan mukjizat al-Quran hanya sekali sahaja. Firman Allah SWT dalam surah al-Furqan ayat 33:

وَلَا يَأْتُونَكَ بِمَثَلٍ إِلَّا جِئْنَاكَ بِالْحَقِّ وَأَحْسَنَ تَفْسِيرًا

Maksudnya:

Dan mereka tidak membawa kepadamu sesuatu kata-kata yang ganjil (untuk menentangmu) melainkan Kami bawakan kepadamu kebenaran dan penjelasan yang sebaik-baiknya (untuk menangkis segala yang mereka katakan itu).

5.3.6 Menunjukkan al-Quran Datang daripada Allah SWT

Jika kita perhatikan bentuk susunan dan bahasa al-Quran daripada awal sampai akhir, maka kita menemukan al-Quran mempunyai uslub yang sama. Satu ayat dengan yang lainnya saling berhubungkait padahal ayat-ayat tersebut tidak turun pada waktu yang bersamaan. Dr. Fahd mengambil pendapat guru beliau Haidar yang mengatakan, sesungguhnya al-Quran diturunkan dalam tempoh 23 tahun. Dalam tempoh masa yang panjang ini seorang penulis pasti tidak mampu menjaga gaya bahasa dan keindahannya. Walaupun sekiranya dia seorang ahli bahasa, pasti kita akan menemukan perbezaan gaya bahasa. Namun, kita tidak menemukan itu dalam al-Quran, walaupun ia turun dalam tempoh yang lama, 23 tahun. Allah SWT berfirman dalam surah al-Nisa' ayat 82:

أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ الْقُرْآنَ وَلَوْ كَانَ مِنْ عِنْدِ غَيْرِ اللَّهِ لَوَجَدُوا فِيهِ اخْتِلَافًا كَثِيرًا

Maksudnya;

Patutkah mereka (bersikap demikian), tidak mahu memikirkan isi Al-Quran? Kalaulah Al-Quran itu (datangnya) bukan dari sisi Allah, nescaya mereka akan dapati perselisihan yang banyak di dalamnya.